



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



INTERVENSI PENDIDIKAN MELALUI BANTUAN TUNAI BERSYARAT DALAM PENGAGIHAN ZAKAT – PEMBANGUNAN DAN KESAHAN INSTRUMEN

EDUCATIONAL INTERVENTION VIA CONDITIONAL CASH TRANSFERS IN ZAKAT: INSTRUMENT DEVELOPMENT AND VALIDATION

Mohd Suffian Mohamed Esa^{1*}, Hairunnizam Wahid², Salmy Edawati Yaacob³

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: p119490@siswa.ukm.edu.my

² Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: hairun@ukm.edu.my

³ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: salmy1001@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.06.2025

Revised date: 08.07.2025

Accepted date: 26.08.2025

Published date: 17.09.2025

To cite this document:

Esa, M. S. M., Wahid, H., & Yaacob, S. E. (2025). Intervensi Pendidikan Melalui Bantuan Tunai Bersyarat Dalam Pengagihan Zakat – Pembangunan dan Kesahan Instrumen. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 619-626.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059044

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pembangunan instrumen syarat tingkah laku bagi program Bantuan Tunai Bersyarat (CCT) dalam pengagihan zakat (EC-ZCCT) berpotensi untuk mengatasi cabaran pengagihan zakat yang kurang berkesan dari sudut impak pendidikan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah bagi membangunkan serta menguji kesahan kandungan instrumen pengukuran (EC-ZCCT) di Malaysia menggunakan kaedah Nisbah Kesahan Kandungan (CVR) dan Indeks Kesahan Kandungan (CVI). Seramai 10 orang pakar dipilih dalam kalangan ahli akademik dan industri berkaitan zakat dan ekonomi Islam melibatkan 10 item konstruk syarat tingkah laku pendidikan bagi kriteria relevan bagi ujian kesahan kandungan. Dapatan kajian menunjukkan instrumen mempunyai kesahan kandungan tahap tinggi serta kesepakatan yang kukuh di antara pakar dengan 10 item mencapai nilai CVR (0.80 hingga 1.00), I-CVI (0.90-1.00), S-CVI/Ave (0.99) dan S-CVI/UA (0.9). Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan instrumen relevan, jelas serta berpotensi menjadi instrumen yang baik bagi mengukur EC-ZCCT kerana dinilai dengan kesahan kandungan yang tinggi dengan kesemua 10 item dikekalkan. Dapat kajian menunjukkan kesepakatan yang kukuh di antara pakar akademik dan industri manakala penyelidikan masa hadapan dicadangkan analisis statistik Kappa bagi menilai kesepakatan pakar bukan secara kebetulan.

Kata Kunci:

Bantuan Tunai Bersyarat, Kesahan Kandungan, Syarat Tingkah Laku, Pengagihan Zakat

Abstract:

The development of a behavioural conditionality instrument for Conditional Cash Transfer (CCT) programs in zakat distribution, referred to as EC-ZCCT, offers potential to address the current limitations in the effectiveness of zakat distribution, particularly in achieving educational outcomes. This study aims to develop and validate the content of the EC-ZCCT measurement instrument in the Malaysian context using the Content Validity Ratio (CVR) and Content Validity Index (CVI) methods. A panel of ten experts, comprising academics and industry professionals with expertise in Islamic economics and zakat, was engaged to evaluate the relevance of ten items representing behavioural conditions related to education. The findings indicate a high level of content validity, with strong agreement among the experts. All ten items achieved CVR values ranging from 0.80 to 1.00, I-CVI scores between 0.90 and 1.00, and excellent scale-level indices (S-CVI/Ave = 0.99; S-CVI/UA = 0.9). Overall, the results confirm that the instrument is clear, relevant, and holds strong potential as a reliable tool for measuring educational behavioural conditionalities in CCT-linked zakat distribution. The strong consensus among both academic and industry experts reinforce the robustness of the instrument. For future research, it is recommended that the modified Kappa statistic be used to account for agreement among experts beyond chance.

Keywords:

Behaviour Conditionality, Conditional Cash Transfer, Content Validity, Zakat Distribution

Pendahuluan

Program pengagihan zakat sedia ada kebanyakannya melaksanakan pengagihan bantuan tunai secara Bantuan Tunai Tanpa Syarat (UCT). Bantuan tunai bentuk ini tidak meletakkan tanggungjawab kepada golongan asnaf untuk mengubah tingkah laku mereka (Hussain, 2021). Kesan daripada polisi tersebut menyebabkan sebahagian besar program-program pengagihan zakat kurang berkesan dalam mengubah sikap dan tingkah laku asnaf, terutamanya dalam kalangan anak-anak mereka yang masih bersekolah. Kajian lepas turut menunjukkan bahawa pengagihan zakat yang kurang berkesan sering berpunca daripada masalah tingkah laku sebahagian golongan asnaf itu sendiri (Zahid dan Razali, 2020). Sebagai contoh, kadar keciciran sekolah dalam kalangan anak-anak asnaf telah dilaporkan berlaku di Perlis, dan ini merupakan isu yang sangat membimbangkan (Muda et al., 2023). Tambahan pula, kajian oleh Ab Rahman et al. (2014) mendapati bahawa anak-anak asnaf terlalu bergantung kepada bantuan zakat tanpa menunjukkan usaha yang bersungguh-sungguh bagi meningkatkan pencapaian mereka dalam bidang pendidikan. Oleh itu, sistem pengagihan zakat berasaskan UCT yang digunakan pada masa ini tidak mampu bagi menangani cabaran tingkah laku dalam kalangan asnaf, sekali gus menunjukkan keperluan kepada pendekatan yang lebih berkesan untuk mendorong perubahan tingkah laku yang positif.

Program Bantuan Tunai Bersyarat (CCT) menyediakan bantuan kewangan kepada keluarga berpendapatan rendah dengan syarat tingkah laku tertentu seperti memastikan kehadiran dan pendaftaran anak-anak di sekolah (dimensi syarat pendidikan) (Meza-Cordero, 2023). Program ini bertujuan mengurangkan kemiskinan dan membangunkan modal insan golongan penerima bantuan. Dengan memberi insentif kepada perubahan tingkah laku positif seperti peningkatan pencapaian dalam aspek pendidikan, program CCT membantu individu memperoleh impak penambahbaikan jangka panjang dalam kehidupan mereka. Dilaksanakan di hampir 70 buah negara, program CCT terbukti berkesan dalam mengurangkan kemiskinan dan memacu pembangunan sosioekonomi (Lindert dan Core, 2014).

Salah satu impak utama dalam bidang pendidikan adalah berkaitan pengurangan kadar keciciran pelajar sekolah (Sen dan Thamarapani, 2023). Pengurangan ini turut memberi kesan tidak langsung terhadap penurunan penglibatan buruh kanak-kanak di negara seperti Indonesia, Filipina dan negara-negara di benua Amerika (Meza-Cordero, 2023). Di Indonesia, kajian lepas menunjukkan bahawa program Bantuan Tunai Bersyarat (CCT) telah menyumbang kepada pengurangan sebanyak 33% dalam penglibatan buruh kanak-kanak dalam kalangan kanak-kanak berumur 13 hingga 15 tahun (Cahyadi et al., 2020). Selain itu, kajian oleh Neri dan Camillo Osorio (2019) ke atas kanak-kanak berumur 6 hingga 15 tahun yang menerima bantuan menerusi program Bolsa Familia di Brazil menunjukkan peningkatan kehadiran ke sekolah sebanyak 22%. Program CCT juga memberi kesan positif terhadap tempoh persekolahan, khususnya bagi kanak-kanak perempuan, dengan peningkatan tempoh persekolahan sebanyak 7 bulan (Sen dan Thamarapani, 2023). Kesan yang sama turut diperhatikan berlaku di negara Brazil dengan peningkatan ketara masa yang diperuntukkan oleh pelajar di sekolah susulan pengurangan kadar keciciran selepas menerima bantuan tunai (Neri dan Camillo Osorio, 2019).

Banyak kajian lepas telah meneliti kesan program Bantuan Tunai Bersyarat (CCT) terhadap kemiskinan dan pembangunan modal insan khususnya dalam aspek pendidikan, kesihatan dan pekerjaan memandangkan dimensi ini merupakan teras utama syarat CCT sejak ia diperkenalkan di negara Amerika Latin (Cecchini, 2021). Sungguhpun banyak program CCT dilaksanakan di negara OIC, namun sehingga kini tiada kajian empirikal yang memberi tumpuan khusus terhadap pembangunan instrumen syarat CCT dalam pengagihan zakat (Esa et al., 2025). Oleh itu, pembangunan instrumen syarat CCT dalam konteks zakat, terutamanya dalam dimensi pendidikan, merupakan satu usaha baharu yang memerlukan pengesahan bagi memastikan pelaksanaannya yang berkesan.

Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk membangun serta menilai kesahan kandungan bagi instrumen EC-ZCCT di Malaysia. Keunikan kajian ini terletak kepada fokusnya terhadap proses pengesahan instrumen dalam kerangka dasar fiskal Islam. Kajian ini menyumbang kepada literatur dengan merapatkan jurang antara kewangan sosial Islam dan model pemerikasaan kemiskinan global, sekali gus menawarkan satu kerangka baharu bagi menilai keberkesanan program CCT dalam sistem zakat. Penemuan kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan dan pelaksanaan dasar masa hadapan dalam sistem kebajikan Islam, khususnya dalam usaha mengoptimumkan program CCT bagi tujuan pengurangan kemiskinan dan pembangunan modal insan di negara majoriti Muslim.

Metodologi

Kesahan kandungan menilai sejauh mana item-item dalam sesuatu soal selidik mewakili konsep yang ingin diukur. Ia melibatkan takrifan yang jelas terhadap objektif pengukuran, populasi sasaran, dan proses pemilihan item bagi memastikan setiap item adalah relevan dan

menyeluruh (Terwee et al., 2007). Kaedah kuantitatif seperti Indeks Kesahan Kandungan (CVI) dan Nisbah Kesahan Kandungan (CVR) digunakan untuk memberikan ukuran kesahan kandungan yang lebih objektif. Kaedah ini melibatkan pengiraan indeks berdasarkan penilaian pakar terhadap kerelevanan item (Nordin et al., 2022).

Pembangunan Instrumen

Menurut Said et al. (2022), pembangunan instrumen ini telah melalui proses 10 fasa yang tersusun. Ia dimulakan dengan semakan literatur secara menyeluruh berkaitan syarat tingkah laku pendidikan dalam program Bantuan Tunai Bersyarat (CCT), bagi membentuk kerangka tematik awal. Seterusnya, satu kajian kualitatif dijalankan untuk mengumpul data empirikal, dan data yang diperoleh telah disusun serta dipadankan dengan kerangka yang telah ditetapkan. Langkah seterusnya melibatkan penambahbaikan konstruk, pembangunan definisi operasional, serta pemetaan dapatan kajian kualitatif bagi memastikan keselarasan dengan objektif kajian. Bagi tujuan analisis kesahan instrumen EDCI-ZCCT, sebanyak 10 item akhir telah dipilih bagi konstruk syarat tingkah laku pendidikan (education conditionality). Bagi memastikan kejelasan dan kemudahan kefahaman dalam kalangan responden sasaran, iaitu golongan asnaf di Malaysia, semua item telah dibangunkan dalam bahasa Melayu.

Kesahan Instrumen

Semasa fasa kedua, instrumen diuji dari segi kesahan dan kebolehpercayaan bagi memastikan ia mengukur konstruk yang dimaksudkan dengan tepat serta menyumbang secara berkesan kepada rangka kerja CCT. Kesahan pakar amat penting dalam pembangunan instrumen pengukuran kerana ia memastikan penilaian yang dijalankan diiktiraf dan disahkan oleh pakar dalam bidang berkaitan (Streiner et al., 2015). Dalam pemilihan panel pakar, beberapa faktor perlu dipertimbangkan seperti kelayakan akademik, latar belakang penyelidikan, dan pengalaman terdahulu dalam proses pengesahan instrumen (Rubio et al., 2003). Lynn (1986) menekankan kepentingan melibatkan pakar yang mempunyai pengetahuan khusus dalam bidang kandungan untuk menilai kesahan kandungan. Pakar profesional adalah penting dalam penilaian kesahan kandungan (Schilling et al., 2007), dan bilangan pakar yang dipilih perlu selari dengan kaedah statistik yang dirancang bagi menganalisis maklum balas mereka (Romero Jeldres et al., 2023). Secara keseluruhan, pengesahan oleh pakar merupakan aspek utama dalam memastikan ketepatan dan kesesuaian sesuatu instrumen pengukuran. Input daripada pakar meningkatkan kredibiliti instrumen dengan memastikan ia sejajar dengan konstruk yang dimaksudkan dan sesuai untuk populasi sasaran (Streiner et al., 2015).

Pemilihan pakar juga harus mengambil kira kelayakan dan pengalaman mereka dalam proses pengesahan terdahulu bagi memenuhi piawaian statistik dari segi kesahan dan kebolehpercayaan (Romero Jeldres et al., 2023). Pemilihan pakar daripada pelbagai latar belakang, termasuk ahli akademik, pembuat dasar, pengamal institusi zakat, dan profesional industri, adalah penting bagi memastikan kesahan menyeluruh dan mengukuhkan kredibiliti instrumen EDCI-ZCCT. Pendekatan pelbagai disiplin ini memastikan kelayakan dan pengalaman pakar sejajar dengan keperluan piawaian statistik yang diperlukan untuk menilai aspek kesahan dan kebolehpercayaan instrumen (Dalawi et al., 2023). Berdasarkan 10 orang pakar yang telah dipilih (Rajah 2), 5 orang terdiri daripada institusi zakat (2 pembuat dasar dan 3 pengamal), 1 orang merupakan ahli akademik dalam industri, 2 orang ahli akademik, dan 2 orang penyelidik industri yang terlibat dalam kajian berkaitan zakat dan pemindahan tunai. Dari segi bidang kepakaran, seramai 6 orang pakar mempunyai kepakaran dalam industri zakat (3 dalam pengagihan zakat dan 3 dalam pembangunan asnaf), manakala masing-masing

seorang pakar mempunyai kepakaran dalam pemindahan tunai, tamadun Islam, ekonomi Islam, dan undang-undang Syariah.

Bagi menilai kesahan kandungan, kriteria yang diukur tertumpu kepada tahap kerelevanan setiap item. Bagi tujuan analisis kesahan kandungan, skala kerelevanan telah didikotomikan kepada dua pilihan sahaja: relevan = 1 (relevan dan agak relevan tetapi boleh ditambah baik) dan tidak relevan = 0 (tidak relevan). Penukaran kepada skala dikotomus ini dilakukan bagi mengurangkan kekaburan dalam pengiraan kesahan (Polit dan Beck, 2006).

Menganalisis Data

Kajian ini menilai kesahan instrumen menggunakan beberapa kaedah. Bagi kesahan kandungan, penilaian dilakukan menggunakan Nisbah Kesahan Kandungan (CVR) dan Indeks Kesahan Kandungan (CVI). Dalam metodologi kuantitatif, CVR digunakan untuk mengukur kerelevanan item terhadap konstruk yang dinilai (Zamanzadeh et al., 2015). Pakar perlu menilai sama ada item menyokong konstruk dan sejauh mana ia relevan. Skor CVR adalah antara -1 hingga 1, dengan nilai lebih tinggi menunjukkan persetujuan yang kuat dalam kalangan pakar. Formula CVR ialah: $CVR = (N_e - N/2) / (N/2)$ di mana N_e ialah bilangan pakar yang bersetuju item itu relevan, dan N ialah jumlah keseluruhan pakar. Untuk 10 orang pakar, nilai minimum CVR yang diterima ialah 0.62 (Lawshe, 1975). CVI pula adalah purata nilai CVR bagi item-item yang diterima. CVI merangkumi: I-CVI (penilaian setiap item): bilangan pakar yang bersetuju dibahagi dengan jumlah pakar S-CVI (penilaian skala keseluruhan) yang dibahagi kepada dua: S-CVI/Ave: purata I-CVI bagi semua item S-CVI/UA: jumlah item yang mendapat persetujuan sebulat suara dibahagi dengan jumlah item. Menurut Lynn (1986), nilai minimum I-CVI yang boleh diterima bagi 10 pakar ialah melebihi 78%, manakala nilai minimum S-CVI/Ave yang mencerminkan kesahan kandungan keseluruhan ialah 0.8 atau 80% (Polit & Beck, 2006; Rubio et al., 2003).

Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan keputusan bagi analisis nisbah kesahan kandungan (CVR). Sebanyak 9 item mempunyai skor CVR = 1.00, manakala baki 1 item pula dengan skor CVR = 0.80. Didapati semua item melebihi nilai ambang minimum 0.62 (Lawshe, 1975). Oleh itu, semua 10 item yang dibangunkan adalah penting dan kekal untuk melalui analisis seterusnya.

Jadual 1: Nisbah Kesahan Kandungan (CVR)

Nilai CVR	Item	Jumlah Item	Keputusan
1.00	1-7, 9-10	9	Kekal
0.80	8	1	Kekal

Seterusnya, jadual 2 menunjukkan skor indeks kesahan kandungan (CVI). Nilai I-CVI bagi 10 item adalah di antara 0.90 to 1.00, melebihi kadar minimum standard yang ditetapkan iaitu 0.78 (Lynn, 1986). Keputusan ini menunjukkan kesepakatan yang tinggi di antara semua pakar. Seterusnya nilai skala CVI purata (S-CVI/Ave=0.99) manakala nilai skala CVI universal (S-CVI/UA=0.88). Kedua-dua nilai keseluruhan skala CVI melebihi nilai ambang yang ditetapkan iaitu 0.80. Keputusan ini jelas mencerminkan kesahan kandungan keseluruhan yang sangat baik. Dengan itu, semua item adalah dikekalkan.

Jadual: Indeks Kesahan Kandungan

Item	Jumlah Item	Ne	I-CVI	Keputusan
1-7, 9-10	9	10	1.00	Sesuai
8	1	9	0.90	Sesuai

Nota. S-CVI/Ave = 0.99 (diterima); S-CVI/UA = 0.90 (diterima); I-CVI = item indeks kesahan kandungan; Ne = bilangan persetujuan; S-CVI/Ave = skala indeks kesahan kandungan purata; S-CVI/UA = skala indeks kesahan kandungan universal

Perbincangan dan Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan kesahan kandungan yang kukuh bagi instrumen EDCI-ZCCT. Kesahan kandungan telah dibuktikan melalui penggunaan analisis CVR dan CVI, yang mengesahkan bahawa instrumen ini adalah relevan, jelas, dan sesuai untuk menilai syarat tingkah laku pendidikan bagi program CCT dalam konteks pengagihan zakat. Keaslian kajian ini terletak pada usaha mengesahkan instrumen penilaian syarat tingkah laku pendidikan bagi program CCT yang direka khusus untuk pengagihan zakat, dengan penekanan terhadap dimensi pendidikan satu bidang yang belum banyak diterokai dalam kajian terdahulu. Secara keseluruhan, item-item yang dibangunkan adalah relevan berdasarkan konsensus dalam kalangan pakar yang mewakili pelbagai latar belakang, termasuk ekonomi Islam, kebajikan sosial, dan pengurusan zakat. Namun begitu, antara limitasi kajian ini ialah kaedah yang digunakan tidak mengambil kira persetujuan pakar secara rawak atau kebetulan. Justeru, kajian akan datang boleh melaksanakan analisis statistik Kappa bagi menilai sama ada kesepakatan pakar bukan secara kebetulan.

Penghargaan

Penyelidikan ini disokong oleh Geran Inovasi Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia [nombor geran: EP-2023-076]

Rujukan

- Ab Rahman, A., Undang-Undang, F., & Anwar, S. M. (2014). Dana zakat dalam pendidikan asnaf dan sumbangannya terhadap ekonomi Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9*, 209.
- Cahyadi, N., Hanna, R., Olken, B. A., et al. (2020). Cumulative impacts of conditional cash transfer programs: Experimental evidence from Indonesia. *American Economic Journal: Economic Policy*, 12(4), 88–110. <https://doi.org/10.1257/pol.20190245>
- Cecchini, S. (2021). Social assistance: Conditional cash transfers—A gateway into social protection systems. In *Latin American social policy developments in the twenty-first century*. Cham: Springer International Publishing.
- Dalawi, I., Isa, M. R., Chen, X. W., et al. (2023). Development of the Malay language of understanding, attitude, practice and health literacy questionnaire on COVID-19 (MUAPHQ C-19): Content validity & face validity analysis. *BMC Public Health*, 23(1), 1–13. <https://doi.org/10.1186/s12889-023-16044-5>
- Esa, M. S., Wahid, H., & Yaacob, S. E. (2025). Revamping zakat distribution: Asnaf empowerment through conditional cash transfer. *International Journal of Sustainable Development & Planning*, 20(5), 2055–2064.
- Hussain, S. (2021). Tamlīk-proper to quasi-tamlīk: Unconditional cash transfer (UCT) of zakat money, empowering the poor and contemporary modes of distributing zakat money with special reference to British Muslim charities. *Journal of Muslim Minority Affairs*, 41(1), 179–201. <https://doi.org/10.1080/13602004.2021.1894388>

- Lindert, K., & Core, N. (2014). Conditional cash transfers (CCTs). *World Bank Social Safety Net*. Retrieved from www.worldbank.org/content/dam/Worldbank/Event/social-protection/Lindert
- Lynn, M. R. (1986). Determination and quantification of content validity. *Nursing Research*, 35(6), 382–386. <https://doi.org/10.1097/00006199-198611000-00017>
- Meza-Cordero, J. A. (2023). Conditional cash transfers tools to combat child labor: Evidence from a randomized controlled trial in Costa Rica. *Review of Development Economics*, 27(1), 220–246. <https://doi.org/10.1111/rode.12949>
- Muda, N. A. C., Said, I., & Hamzah, M. F. M. S. R. (2023). Keciciran pendidikan dalam kalangan anak-anak asnaf: Kajian kes sekolah rendah di Negeri Perlis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8(50), 602–617. <https://doi.org/10.35631/ijepc.850043>
- Neri, M., & Camillo Osorio, M. (2019). Bolsa Família, time spent in school and students' motivations. *Revista de Administração Pública*, 53, 859–878. <https://doi.org/10.1590/0034-761220180267x>
- Nordin, M. R., Jamal, S. A., & Anuar, N. A. M. (2022). Content validity of research instruments: Assessing domestic ecotourism in protected areas. *Enlightening Tourism. A Pathmaking Journal*, 12(2), 565–599. <https://doi.org/10.33776/et.v12i2.7123>
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2006). The content validity index: Are you sure you know what's being reported? Critique and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 29(5), 489–497. <https://doi.org/10.1002/nur.20147>
- Romero Jeldres, M., Díaz Costa, E., & Faouzi Nadim, T. (2023). A review of Lawshe's method for calculating content validity in the social sciences. *Frontiers in Education*. <https://doi.org/10.3389/feduc.2023.1271335>
- Rubio, D. M., Berg-Weger, M., Tebb, S. S., et al. (2003). Objectifying content validity: Conducting a content validity study in social work research. *Social Work Research*, 27(2), 94–104. <https://doi.org/10.1093/swr/27.2.94>
- Said, N. A. M., Bujang, S. M., Buang, N. A., et al. (2022). Critical thinking transfer practice instrument: A content validity calculation steps based on expert panel evaluation. *Education in Medicine Journal*, 14(3), 61–74. <https://doi.org/10.21315/eimj2022.14.3.5>
- Schilling, L. S., Dixon, J. K., Knafl, K. A., et al. (2007). Determining content validity of a self-report instrument for adolescents using a heterogeneous expert panel. *Nursing Research*, 56(5), 361–366. <https://doi.org/10.1097/01.nnr.0000289505.30037.91>
- Sen, G., & Thamarapani, D. (2023). Keeping girls in schools longer: The Kanyashree approach in India. *Feminist Economics*, 29(4), 36–64. <https://doi.org/10.1080/13545701.2023.2263542>
- Streiner, D., Norman, G., & Cairney, J. (2015). *Health measurement scales: A practical guide to their development and use* (5th ed.). Oxford: Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/med/9780199685219.001.0001>
- Terwee, C. B., Bot, S. D., de Boer, M. R., et al. (2007). Quality criteria were proposed for measurement properties of health status questionnaires. *Journal of Clinical Epidemiology*, 60(1), 34–42. <https://doi.org/10.1016/j.jclinepi.2006.03.012>
- Zahid, E. S. B. M., & Razali, M. B. (2020). Peranan Lembaga Zakat Selangor terhadap pembangunan insan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin: The role of Selangor Zakat Board on human development among the fakir and miskin asnaf. *Global Journal Al-Thaqafah*, 57–72. <https://doi.org/10.7187/gjatsi2020-7>
- Zamanzadeh, V., Ghahramanian, A., Rassouli, M., Abbaszadeh, A., Alavi-Majd, H., & Nikanfar, A.-R. (2015). Design and implementation content validity study:

Development of an instrument for measuring patient-centered communication. *Journal of Caring Sciences*, 4(2), 165–178. <https://doi.org/10.15171/jcs.2015.017>